



Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
melaporkan dari Lubnan

Perang 'bunuh' segalanya

Pelarian Syria kongsi cerita duka huni Kem Al Awdah bersama 300 pelarian lain

Lembah Beqaa

Hidupnya dulu penuh dengan kemewahan, mempunyai kendaraan dan rumah untuk diidam juga mampu menyekolahkan anak.

Namun kebahagiaan yang dikecap Abu Saif, 40, bersama isteri dan tujuh anak hilang sekelip mata apabila menjadi mangsa perang yang melanda negaranya, Syria pada 2014.

Bukan itu saj�, dia turut kehilangan adiknya yang terkorban ketika perang Syria di Damsyik dan meninggalkan empat anak.

Abu Saif berkata, sebelum menjadi pelarian, dia seorang ahli perniagaan berjaya dalam bidang hartaan di Damsyik.

"Kehidupan dulu sangat berbeza, kami mempunyai segalanya, ada kereta, ada rumah tiga tingkat namun ia hilang sekelip mata akibat peperangan."

"Saya kini tidak mempunyai apa-apa kecuali kabin yang kecil dan tinggal bersama isteri serta tujuh anak dalam keadaan bersempit," katanya yang diterjemah sukarelawan Aman Palestin.

Rentetan kejadian yang menimpa keluarganya itu, dia kemudian membuat keputusan membawa keluarganya menjadi pelarian menuju ke Lembah Beqaa pada 2015.

"Sejak itu, saya tinggal di Kem Al Awdah bersama 300 keluarga lain. Saya turut membawa empat anak sau-



ABU Saif (berbaju biru) menunjukkan rumah dan kenderaaninya di Syria sebelum menjadi pelarian pada tahun 2015 kepada wartawan Harian Metro.



Saya kini tidak mempunyai apa-apa kecuali kabin yang kecil dan tinggal bersama isteri serta tujuh anak dalam keadaan bersempit"

Abu Saif

dara yang kehilangan banya yang kehilangan banya namun mereka hanya sempat tinggal bersama sekeluarga selama setahun sebelum kembali ke Syria.

"Kami sekeluarga tinggal di kabin yang disediakan pertubuhan bukan kerajaan tempatan, *Union of Relief and Development Association (URDA)* untuk pelarian

Syria," katanya.

Menceritakan kehidupan di kem berkenaan, Abu Saif berkata, pada permulaannya kehidupan dia sekeluarga sukar kerana tidak mendapat sebarang pekerjaan di kawasan berkenaan.

"Pada awalnya saya hanya ambil upah menjadi buruh secara haram bagi menambah perbelanjaan yang tinggi buat kami sekeluarga.

"Setiap kali musim sejuk, ia musim yang sukar bagi kami kerana tiada pekerjaan yang boleh dibuat dan kami memerlukan pekerjaan bagi membeli kerosen untuk pemanas di dalam kabin," katanya.

Menurutnya, kem Al-Awdah kini hanya tinggal 30 keluarga kerana ada pelarian yang pulang ke Syria dan ada yang berpindah ke



ABU Saif terbabit dalam kerja penyelenggaraan di Kem Al Awdah.

kem lain menyebabkan kerajaan mengarahan binaan kabin itu dirobohkan.

Katanya, dia bersyukur kerana kini mempunyai pekerjaan tetap sebagai pembantu pengurusan di Kem Al-Awdah dan terbabit dalam kerja penyelenggaraan di kem berkenaan.

"Saya juga bersyukur kerana banyak menerima bantuan daripada badan bukan kerajaan terutama dari Malaysia yang banyak membantu pelarian di sini.

"Tambahan pula ketika ini musim sejuk, kami terpaksa laluinya hingga Mac depan. Keadaan itu juga menyebabkan kerajaan melarang pembukaan kem baru."

kritis kerana kebanyakannya mengarahan binaan baju sejuk, makanan dan kerohanian," katanya.

Sementara itu, Pengarah Media dan Dokumentasi Aman Palestin Anas Abdul Wahab berkata, kerajaan Lubnan kini melarang pembukaan kem pelarian yang baharu kerana kebanyakannya penempatan sedia ada tidak teratur dan bahaya.

"Ketika ini, ada 1.4 juta pelarian Syria di Lubnan dengan 60 peratus mendiami kem sekitar Lembah Beqaa. Keadaan itu juga menyebabkan kerajaan melarang pembukaan kem baru.

"Lubnan mahu cari penyelesaian untuk pelarian kembali ke Syria dan tidak mahu mereka tinggal di sini untuk tempoh lebih panjang.

"Bagaimanapun, setakat ini tiada tindakan mendesak diambil untuk menghantar mereka kembali ke Syria," katanya.

Rakyat Malaysia yang prihatin dengan nasib pelarian Syria dan Palestin boleh menyumbang kepada Aman Palestin menerusi akaun Maybank, 562263010787.

Maklumat lanjut boleh diperoleh dengan melayari www.amanpalestin.net.